

# 9 kakitangan Imigresen ditahan

## 5 pegawai, 4 pemandu disyaki dalangi kes seludup orang di sempadan

Oleh Petah Wazzan Iskandar  
wazzan@bharian.com.my

**K**UALA LUMPUR: Sembilan kakitangan Jabatan Imigresen, termasuk lima pegawai kanannya ditahan dalam satu operasi khas di beberapa lokasi sekitar Johor, Jumaat lalu, kerana disyaki mendalangi kegiatan sindiket penyeludupan manusia menggunakan pintu sempadan di utara negara.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Bakri Zinin, lima pegawai kanan Imigresen itu dipercayai menjadi pelindung sindiket, manakala empat lagi adalah pemandu jabatan sama yang menjadi tukang bawa masuk dan keluar pendatang tanpa izin terutama pelarian Rohingya dari Myanmar.

"Mereka (pegawai Imigresen) mengenakan caj RM300 hingga RM600 bagi setiap pendatang tanpa izin yang 'dilepaskan' mereka melalui laluan tikus di pintu sempadan utara sebelum disambut anggota sindiket di kawasan sempadan.

"Setiap pendatang tanpa izin membayar RM2,000 kepada sindiket untuk masuk/keluar negara ini dan sindiket itu pula membayar



**MOHD Bakri** memberi taklimat kepada sidang media mengenai penahanan kakitangan Jabatan Imigresen di Bukit Aman, semalam.

RM300 hingga RM600 kepada pegawai Imigresen sebagai caj.

"Jika pendatang tanpa izin ini gagal membayar RM2,000 kepada sindiket, mereka akan dipaksa menjadi buruh perikanan di negara jiran sehingga hutang mereka dibayar sepenuhnya," katanya pada sidang media di pejabatnya di Bukit Aman, semalam.

Beliau berkata, risikan

**“ Kami percaya ini baru sebahagian kecil... mungkin ada lagi yang terbabit dan siasatan masih diteruskan ”**

**Mohd Bakri Zinin**  
Pengarah Jabatan Siasatan  
Jenayah Bukit Aman

dan maklumat awam menunjukkan semua suspek berusia 25 hingga 40 tahun itu sudah aktif sejak setahun lalu.

Mohd Bakri menyifatkan kejayaan polis melumpuhkan 'orang dalam' itu berjaya memecahkan rangkaian sindiket berkenaan.

"Kami percaya ini baru sebahagian kecil... mungkin ada lagi yang terbabit dan siasatan masih diterus-

kan," katanya.

Baru-baru ini, Amerika Syarikat menyenaraikan Malaysia dalam senarai hitam yang aktif dengan penyeludupan manusia.

Laporan itu, menyatakan Malaysia tidak mencapai sepenuhnya piawaian minimum dan bersungguh-sungguh bagi menghalang kegiatan penyeludupan manusia terutama membabitkan pelarian Rohingya.

Mohd Bakri berkata, siasatan yang dilakukan mendapati pegawai imigresen yang ditahan dan anggota sindiket berhubung melalui telefon manakala urusan pembayaran dilakukan secara terus melalui akaun pegawai terbabit.

"Walaupun kita menghadapi kesulitan untuk mendapatkan maklumat daripada mangsa yang enggan bekerjasama, ada kalangan mereka yang bekerjasama, selain berkongsi maklumat dengan pihak berkuasa negara jiran.

"Siasatan kita juga turut menjurus kepada aktiviti pemalsuan dokumen yang mungkin dilakukan pegawai imigresen yang semuanya di-reman sehingga Jumaat ini mengikut Seksyen 13 Akta Anti Pmerdagangan Orang 2007," katanya.